

Headline **16 IPT sertai pameran reka cipta, inovasi 2008**
Date **09. May 2008** Language **MALAY**
Media Title **Berita Harian** Page No **27**
Section **Pendidikan** Article Size **132** cm2
Circulation **217920** Frequency **Daily**
Readership **2083000** Color **Full Color**



16 IPT sertai pameran reka cipta, inovasi 2008

SEBANYAK 16 institusi pendidikan tinggi (IPT) termasuk tiga IPT swasta (IPTS) mengambil bahagian dalam Pameran Reka Cipta, Inovasi dan Teknologi 2008 (ITEX 08), di Pusat Konvensyen Kuala Lumpur, bermula hari ini hingga Ahad.

IPT awam terbabit adalah Universiti Islam Antarabangsa, Universiti Kebangsaan Malaysia, Universiti Malaya, Universiti Malaysia Pahang, Universiti Malaysia Perlis, Universiti Malaysia Sabah, Universiti Malaysia Terengganu, Universiti Putra Malaysia, Universiti Sains Malaysia, Universiti Teknikal Malaysia Melaka, Universiti Teknologi Mara, Universiti Tun Hussein Onn Malaysia dan Universiti Utara Malaysia.

Tiga IPTS terbabit adalah Univer-

siti Multimedia, Universiti Teknologi Petronas dan Universiti Tenaga Nasional.

ITEX 08 ke-19 yang dianjurkan Malaysian Invention and Design Society memabitkan lebih 500 teknologi baru hasil penyelidikan dan reka cipta universiti, agensi penyelidikan, individu serta sektor korporat termasuk dari Iran, Croatia, Aus-

tralia dan Itali.

Ia menjadi platform pelabur sama ada dalam atau luar negara untuk berbincang dan menjalinkan usaha sama perniagaan bagi tujuan pengkomersialan, manakala pereka cipta pula mengambil peluang mempamer dan mempromosikan hasil ciptaan serta teknologi baru mereka untuk tujuan itu.

Sempena pameran itu, pertandingan Rekaan dan Inovasi ITEX turut diadakan dengan menawarkan beberapa anugerah peringkat tempatan dan antarabangsa.

Antaranya, Anugerah Pingat Emas, Perak dan Gangsa ITEX serta Anugerah Reka Cipta Terbaik World Intellectual Property Organisation (WIPO).